



AL-QUDS
Foundation Malaysia
مؤسسة القدس ماليزيا

#BALFOUR
100



DEKLARASI BALFOUR

GENAP 100 TAHUN PROJEK
PENJAJAHAN BUMI PALESTIN

#Balfour100

Deklarasi Balfour telah diisytiharkan pada tahun 1917. Oleh itu pada tahun ini genaplah 100 tahun peristiwa yang juga merupakan permulaan kepada tragedi penghalauan dan penyingkiran berjuta-juta rakyat Palestin.

APAKAH PERISYTIHARAN BALFOUR?

Pengisytiharan Balfour adalah pernyataan dalam bentuk surat yang ditulis pada 2 November 1917 oleh Setiausaha Luar Inggeris bernama Arthur Balfour kepada Lord Walter Rothschild iaitu seorang tokoh terkemuka dalam komuniti Zionis di Britain.

Surat itu menyatakan dengan jelas bahawa kerajaan British menyokong penubuhan sebuah 'negara kebangsaan' untuk orang Yahudi di Palestin.

Masyarakat Palestin tidak diwakili langsung dalam perbincangan yang membawa kepada pengisytiharan tersebut, bahkan tidak disebut langsung dalam surat itu. Sebaliknya mereka ditakrifkan dalam surat itu hanya dengan panggilan komuniti "bukan Yahudi", satu istilah yang secara sengaja mengene-pikan kewujudan dan identiti mereka. Dan inilah yang menjadi ciri utama dalam perbincangan-perbincangan rasmi selepas itu mengenai masa depan mereka sendiri.



Foreign Office,
November 2nd, 1917.

Dear Lord Rothschild,

I have much pleasure in conveying to you, on behalf of His Majesty's Government, the following declaration of sympathy with Jewish Zionist aspirations which has been submitted to, and approved by, the Cabinet

"His Majesty's Government view with favour the establishment in Palestine of a national home for the Jewish people, and will use their best endeavours to facilitate the achievement of this object, it being clearly understood that nothing shall be done which may prejudice the civil and religious rights of existing non-Jewish communities in Palestine, or the rights and political status enjoyed by Jews in any other country"

I should be grateful if you would bring this declaration to the knowledge of the Zionist Federation.

A handwritten signature in dark ink, appearing to read "Arthur Balfour". The signature is written in a cursive style with a small flourish above the name.

TERJEMAHAN DEKLARASI BALFOUR:

Pejabat Kemeterian Luar Negeri Britain

2 November 1917

Tuan Lord Rothschild,

Saya bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli (Raja Britain) amat bergembira untuk memaklumkan anda, pernyataan simpati dengan aspirasi Zionis Yahudi yang telah diserahkan kepada kabinet Britain dan kemudian telah diluluskan:

Pandangan Kerajaan Kebawah Duli (Raja Britain) menyokong penubuhan sebuah negara kebangsaan untuk orang-orang Yahudi di Palestin, dan akan berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan matlamat ini tercapai. Pada masa yang sama kita juga akan memastikan tiada apa yang akan dilakukan yang boleh menjejaskan hak-hak sivil dan agama komuniti bukan Yahudi yang sedang menetap di Palestin, atau hak dan status politik yang dinikmati oleh orang Yahudi di negara lain. Saya amat berbesar hati jika anda akan memaklumkan pengisytiharan ini kepada Persekutuan Zionis.

Yang benar,

Arthur James Balfour

KESAN DEKLARASI BALFOUR: SUASANA KEZALIMAN SELAMA SATU ABAD

Masyarakat Palestin yang merupakan penghuni dan pemilik asal kawasan Palestin telah menentang perjanjian yang haram, tidak bermoral serta melanggar prinsip-prinsip Liga Bangsa-Bangsa ini. Mereka menggelarnya "janji antara orang-orang yang tidak mempunyai hak milik dengan kumpulan yang tidak layak menerima hakmilik tersebut." Sebaliknya, gerakan Zionis meraikan keputusan itu dan mengeksploitasinya secara politik dengan bantuan Britain, yang telah menduduki Palestin pada Disember 1917.

Susulan dari deklarasi ini, pada tahun 1922 Britain telah menggunakan Liga Bangsa-Bangsa untuk melindungi tindakan keji mereka dengan memberi mandat atau kuasa kepada diri mereka ke atas bumi Palestin. Deklarasi Balfour telah dimasukkan dalam dokumen mandat tersebut. Jelas bahawa pelaksanaan Deklarasi Balfour itu secara amnya bertujuan mencabuli kepentingan dan hak-hak orang Palestin.

Semasa era penjajahan Palestin oleh Britain antara 1918 - 1948, Britain telah berusaha untuk menubuhkan sebuah tanah air negara untuk orang Yahudi di Palestin melalui beberapa dasar, termasuk:

- Membantu kemasukan pendatang Yahudi ke Palestin untuk meningkatkan jumlah mereka, walaupun ini tidak dipersetujui oleh masyarakat Palestin yang merupakan penduduk asal wilayah tersebutnya.
- Membenarkan orang Yahudi membina penempatan dan membantu orang Yahudi mengambil alih sebahagian besar wilayah Palestin.
- Melatih kumpulan Zionis dan membekalkannya dengan senjata, terutama kumpulan Haganah.
- Mencegah masyarakat Palestin dari membina atau membangunkan institusi-institusi mereka, bahkan telah memusnahkan dan meminggirkan institusi-institusi masyarakat Palestin.
- Menindas sebarang usaha masyarakat Palestin untuk menentang projek Zionis di bumi Palestin.



PERISTIWA AL-NAKBA

Di bawah tajaan kerajaan Britain, pendatang Yahudi Zionis telah membangunkan satu pasukan tentera berjumlah 60,000 orang yang dilengkapi dengan pesawat, kereta kebal, dan jet pengebom. Britain kemudian mengisytiharkan berakhirnya mandatnya di Palestin dan berundur dari kawasan Palestin pada tahun 1948. Pihak Zionis kemudian telah menyerang rakyat Palestin dan menawan tanah air mereka. Peristiwa ini dikenali sebagai Al -Nakba, yang bermaksud 'malapetaka'.

Seramai 750,000 rakyat Palestin yang terdiri dari lelaki, wanita dan kanak-kanak dihalau keluar dari tanah air mereka oleh pasukan bersenjata Zionis Yahudi, dan kira-kira 500 kampung dan bandar dilenyapkan dan dimusnahkan. Kira-kira 15,000 orang Palestin dilaporkan terkorban dalam 70 episod atau kejadian pembunuhan beramai-ramai yang dilakukan oleh pasukan bersenjata Zionis pada masa itu.

Walaupun 70 tahun telah berlalu, namun tindakan menghalau rakyat Palestin dan merampas harta mereka masih terus berlanjutan. Sekarang ini seramai 7 juta rakyat Palestin hidup sebagai pelarian, sama ada di kem pelarian di wilayah Palestin yang diduduki oleh Israel, atau di Lubnan, Jordan, dan di Syria.



ADAKAH KESAN DARI DEKLARASI BALFOUR SUDAH PUN BERAKHIR?

Masyarakat Palestin sekarang ini masih menderita akibat Deklarasi Balfour kerana deklarasi ini telah membantu puak Zionis menduduki dan menjajah bumi Palestin secara haram. Oleh itu segala penderitaan masyarakat Palestin serta segala kezaliman yang dilakukan terhadap mereka adalah sebenarnya akibat dari tindak tanduk Britain semata-mata, sama ada dari segi undang-undang mahu pun dari aspek moral. Malangnya Britain setakat ini masih tidak mahu menerima hakikat ini dan masih enggan untuk memohon maaf atas Deklarasi Balfour yang sangat memalukan dan menjijikkan ini!!!

